Bahasa Burma

Bahasa Burma (မြန်မာစာ, atau *ba.ma ca* [bəmàsà]) adalah bahasa rasmi Myanmar. Walaupun kerajaan rasminya mengakui bahasa ini sebagai *Myanmar*, kebanyakan orang terus memanggil bahasa ini sebagai *Burmese*. Bahasa Burma adalah bahasa ibunda orang Bamar, Rakhind, dan lain-lain hubungan dengan kumpulan sub-etnik Bamar. Bahasa Burma ialah satu ahli famili bahasa Tibeto-Burman, dimana adalah subkeluarga dari keluarga bahasa Sino-Tibet. Ia ditutur oleh 34.5 juta sebagai bahasa pertama, dan sebagai bahasa kedua oleh minoriti di Myanmar. Burmese adalah bahasa berasakan nada dan agglunatif, dan sistem tulisannya diperoleh daripada skrip Mon yang berasal daripada skrip Brāhmī.

Isi kandungan

Fonologi
- Konsonan
- Vokal
- Nada
- Struktur suku kata

Pautan luar

Fonologi

Transkripsi dalam bahagian rencana ini diberi dalam Huruf Fonetik Antarabangsa.

Konsonan

Bahasa Burma	
မြန်မာစာ (bertulis) မြန်မာစာစကား (lisan)	
Sebutan	*akan ditambah*
Wilayah	Myanmar, Thailand, Bangladesh, Malaysia, Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Laos dan Singapura
Penutur asli	Bahasa pertama: 34.5 juta Bahasa kedua: 10 juta (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Sino-Tibetan ▪ Tibeto-Burman ▪ Lolo-Burmese ▪ Burmish ▪ Selatan ▪ **Bahasa Burma**
Sistem penulisan	Abugida Burma
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	Myanmar
Dikawal oleh	Suruhanjaya Bahasa Myanmar
Kod bahasa	
ISO 639-2	`bur`
ISO 639-3	`mya`

	Bibir	Gigi	Alveolar	Postalveolar dan Lelangit	Velum dan Bibir-velum	Glotis	Tidak bertempat
Plosif dan afrikat	pʰ p b	tʰ t d		tʃʰ tʃ dʒ	kʰ k g	ʔ	
Nasal	m̥ m	n̥ n		ɲ̥ ɲ	ŋ̊ ŋ		N
Frikatif		θ (ð)	sʰ s z	ʃ		h	
Anggaran		(r)		j	(ʍ) w		
Anggaran lateral		l̥ l					

Konsonan /r/ jarang sekali, dan hanya terdapat dalam nama tempat yang mengekalkan sebutan bahasa Sanskrit atau Pali (cth. Amarapura, yang disebut [àmərə̰pùrə̰]) dab juga dalam perkataan pinjaman dari bahasa Inggeris. Mengikut sejarah, /r/ menjadi /j/ dalam bahasa Burma, dan sering diganti oleh /j/ di kata pinjaman bahasa Pāli, cth. ရဟန္တာ (*ra.hanta*) /jəhàNdà/ "sami", ရာဇ (*raja.*) /jàzə̰/ "raja". Kadang-kala konsonan /r/ diganti dengan /l/, seperti dalam kata pinjaman bahasa Pali untuk "haiwan" တိရစ္ဆာန် (*ti.rac hcan*), yang boleh disebut [tərei? sʰàn] atau [təlei? sʰàn]. Begitu juga, /ʍ/ jarang dan sudah lenyap dari bahasa Burma moden, kecuali dalam transkripsi nama-nama asing. [ð] juga jarang, kecuali sebagai alofon bersuara bagi /θ/.

Bunyi-bunyi /pʰ, p/ sering disebut seperti /b/, /kʰ, k/ seperti /g/, /tʃʰ, tʃ/ seperti /dʒ/, dan /sʰ, s/ seperti /z/ dalam kata majmuk. Bunyi /dʒ/ yang menyusuli akhiran konsonan nasal boleh menjadi bunyi /j/. Contohnya, အင်္ဂြိ *ang kyi* "blaus" boleh disebut /èiNdʒí/ atau /èiNjí/.

Konsonan nasal tidak bertempat /N/ direalisasikan sebagai penyengauan vokal sebelumnya atau homorganik sengau bagi konsonan selepasnya; maka /mòuNdáiN/ "ribut" disebut [mɔ̀ũndə́ĩ].

Vokal

	Monoftong		Diftong	
	Hadapan	Belakang	Geluncuran luar hadapan	Geluncuran luar belakang
Tertutup	i	u		
Sederhana tutup	e	o	ei	ou
Sederhana	ə			
Sederhana-terbuka	ɛ	ɔ		
Terbuka		a	ai	au

Monoftong /e/, /o/, /ə/, dan /ɔ/ hanya terdapat dalam suku kata terbuka (yang tanpa koda suku kata/konsonan penutup); diftong /ei/, /ou/, /ai/, dan /au/ hanya terdapat dalam suku kata tertutup (yang ada koda suku kata).

Nada

Bahasa Burma ialah sebuah bahasa berasaskan nada, iaitu kontras fonem boleh dihasilkan mengikut nada sesuatu bunyi vokal. Dalam bahasa Burma, kontras-kontras ini bukan sahaja melibatkan pic, bahkan juga fonasi, kekuatan, jangka masa, dan sifat vokal. Terdapat empat nada berbeza dalam bahasa Burma. Dalam jadual berikut, nada-nada ini ditunjukkan sebagai tanda pada vokal /a/ sebagai contoh; huraian fonetiknya dari Wheatley (1987)

Tone name	Symbol (shown on *a*)	Description
Rendah (နိမ့်သံ)	à	Fonasi normal, jangka masa sederhana, kekuatan rendah, pic rendah (selalunya naik sedikit)
Tinggi (တက်သံ)	á	Kadang-kala mengah sedikit, lebih panjang, kekuatan tinggi, pic tinggi; selalunya disusuli penurunan sebelum berjeda
Berkerik-kerik (သက်သံ)	a̰	Fonasi tegang atau berkerik-kerik (kadang kala dengan hentian glotis), jangka masa sederhana, kekuatan tinggi, pic tinggi (selalunya turun sedikit)
Tehenti (တုံ့သံ)	aʔ	Sifat vokal berpusat, diakhiri hentian glotis, jangka masa singkat, pic tinggi (dalam penyedutan; berbeza-beza mengikut konteks)

Contoh, perkataan-perkataan berikut dibezakan sesama sendiri hanya berdasarkan nada:

- Rendah /kʰà/ 'menggoncang'
- Tinggi /kʰá/ 'menjadi pahit'
- Berkerik-kerik /kʰa̰/ 'yuran'
- Terhenti /kʰaʔ/ 'berundur'

Dalam suku-suku kata yang berakhir dengan /N/, tidak terdapat nada terhenti:

- Low /kʰàN/ 'menjalani'
- High /kʰáN/ 'menjadi kering'
- Creaky /kʰa̰N/ 'melantik'

Struktur suku kata

Struktur suku kata bahasa Burma ialah C(G)V((V)C), iaitu permulaan suku kata terdiri daripada konsonan yang boleh disusuli satu geluncuran, dan rima pula terdiri daripada satu monoftong sahaja, satu monoftong bersama satu konsonan, atau satu diftong dengan satu konsonan. Konsonan-konsonan yang boleh terdapat dalam koda (penutup) ialah /ʔ/ dan /N/. Contohnya:

- CV /mè/ 'gadis'
- CVC /mɛʔ/ 'mendambakan'
- CGV /mjè/ 'tanah'
- CGVC /mjɛʔ/ 'mata'
- CVVC /màuN/ (panggilan untuk lelaki muda)
- CGVVC /mjáuN/ 'longkang'

Suku kata yang vokalnya /ə/ menghadapi beberapa batasan, iaitu:

- semestinya terbuka (tiada konsonan penutup)
- tiada bernada

- konsonan pembukanya hanya tunggal (tiada geluncuran selepas konsonan itu)
- tidak boleh dijadikan suku kata terakhir perkataan

Contoh perkataan yang mempunyai suku kata berfonem /ə/:

- /kʰə.louʔ/ 'tombol'
- /pə.lwè/ 'seruling'
- /θə.jɔ̀/ 'mempersenda'
- /kə.lɛʔ/ 'sewenang-wenang'
- /tʰə.mə.jè/ 'air beras'

Pautan luar

Wikipedia ***Bahasa Burma***, ensiklopedia bebas

- Bahasa Burma (http://www.ethnologue.org/show_language.asp?code=mya) di Ethnologue
- Online Burmese lessons (http://www.seasite.niu.edu/Burmese/)
- Omniglot: Burmese Language (http://www.omniglot.com/writing/burmese.htm)
- Burmese language resources (http://www.soas.ac.uk/departments/departmentinfo.cfm?navid=689) from SOAS
- Myanmar NLP Research Center [1] (http://www.myanmarnlp.net.mm)
- Myanmar NLP Team Blogs [2] (http://myanmarnlpteam.blogspot.com)
- MyMyanmar Projects - Kajian dan Pembangunan Bahasa Myanmar (Burma) untuk Teknologi [3] (http://www.mymyanmar.net)
- Online Burmese Bible (http://www.myanmarbible.com/bible/Judson/html/index.html)
- Myanmar Character Picker (http://people.w3.org/rishida/scripts/pickers/myanmar/)

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Burma&oldid=4715112"

Laman ini kali terakhir disunting pada 13:28, 5 Februari 2020.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.